

PENGETAHUAN DAN KEFAHAMAN PELAJAR KOLEJ TERHADAP NIAT BUNUH DIRI

(Knowledge and Understanding of College Students on the Intention to Commit Suicide)

¹ SITI NORMA AISYAH MALKAN@MOLKAN*

² SALLEH AMAT

¹ Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Pahang, Kampus Raub, 27600
Raub, Pahang, Malaysia

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor,
Malaysia

ABSTRAK

Niat bunuh diri merupakan pemikiran atau keinginan seseorang untuk menamatkan nyawanya. Kajian ini bertujuan melihat pengetahuan dan kefahaman pelajar sesebuah kolej terhadap niat bunuh diri. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual bagi mengumpul maklumat yang dikehendaki. Kajian ini melibatkan tujuh orang responden yang dikenal pasti pernah mempunyai keinginan untuk bunuh diri melalui borang maklumat profil peribadi pelajar. Data kualitatif yang diperoleh melalui temu bual dianalisis menggunakan perisian NVivo8. Hasil kajian menunjukkan responden mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang niat bunuh diri dan niat tersebut wujud dalam diri responden sejak zaman persekolahan lagi. Dapatan kajian secara umumnya menunjukkan faktor tekanan luaran dan dalaman menyebabkan responden mempunyai niat bunuh diri. Walau bagaimanapun responden tidak bersetuju dengan tingkah laku bunuh diri itu sendiri. Dapatan kajian ini juga mendapati kesemua responden mempunyai cara penyelesaian masalah yang tersendiri apabila berhadapan dengan masalah yang menyebabkan mereka terfikir untuk bunuh diri. Kefahaman ini juga penting bagi para kaunselor agar proses pencegahan dapat dilakukan bagi membantu pelajar kolej yang berpotensi untuk mengambil jalan mudah bagi menyelesaikan masalahnya.

Kata kunci: Kaunseling; niat bunuh diri; pengetahuan; kefahaman; pelajar kolej

*Corresponding author: Siti Norma Aisyah bt Malkan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Pahang, Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia, Mel-e:aisyahmalkan86@google.com.my
Diterbitkan: 29 Februari 2016
Diterima: 9 Januari 2017
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2018-1001-02>

ABSTRACT

Suicidal intent is a thought or a desire to end one's own life. This study investigates the knowledge and understanding of college students on the intention to commit suicide. This qualitative study used interviews to gather the required information. Seven students who had been identified as having a desire to commit suicide through a personal profile form participated in this study. Data collected was analyzed by NVivo8 software. The findings showed that respondents had knowledge and understanding of the intent to commit suicide. They also indicated that the intention to commit suicide exists since when they were in secondary schools. In general, this study found that the external and internal stress factors encouraged the respondents to have the intention to commit suicide. The study also found that respondents had negative attitudes toward suicidal behavior. Respondents also reported that they had their own solutions when dealing with problems. This understanding could help counselors to plan strategies in helping college students to deal with their problems and to prevent them from committing suicide to solve their problems.

Keywords: *Counseling; suicidal intent; knowledge; understanding; college students*

PENDAHULUAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan pada tahun 2010, hampir satu juta orang meninggal akibat bunuh diri, dengan anggaran kadar kematian 16 kes per 100,000 penduduk. Dalam 45 tahun terakhir, kadar bunuh diri telah meningkat sebanyak 60 peratus di seluruh dunia. Bunuh diri adalah di antara tiga penyebab utama kematian antara mereka yang berusia 15-44 tahun di beberapa negara dan penyebab utama kedua-dua kematian pada kelompok usia 10-24 tahun. Anggaran ini tidak termasuk percubaan untuk bunuh diri yang hingga 20 kali lebih kerap berlaku berbanding bunuh diri (World Health Organization 2010).

Kebanyakan pengkaji mendapati bunuh diri merupakan penyebab kematian yang tertinggi di dunia dan penyebab umum kematian dalam kalangan golongan muda berusia antara 15 hingga 19 tahun (Mazza & Eggert 2001; Centre For Disease Control 1999; Lakshmi, Nagaraj & Sujit 2004; Erin 2009). Di seluruh dunia hampir 100,000 hingga 200,000 golongan muda membunuh diri setiap tahun. Malaysia juga mencatatkan peningkatan kes bunuh diri. Statistik tahun 2010 bagi tempoh 15 tahun lalu menunjukkan antara tujuh hingga 12 orang daripada setiap 100,000 penduduk Malaysia, mati kerana membunuh diri. Bagi tempoh sama di Singapura, nisbahnya adalah 15 hingga 20 orang bagi setiap 100,000 mati bunuh diri (Faizatul Farhana 2010). Menurut Rosnah (2011), seramai 731 individu dilaporkan bunuh diri

di Malaysia bagi tempoh tiga tahun sejak tahun 2007. Angka ini membabitkan 545 lelaki dan 186 wanita. Manakala Daftar Statistik Bunuh Diri Kebangsaan Malaysia bagi tahun 2011 pula menunjukkan 321 kes melibatkan pasangan berkahwin, 29 kes bercerai dan 298 kes bagi golongan bujang. Peningkatan ini dilihat sebagai satu situasi yang membimbangkan terutamanya yang melibatkan generasi muda di Malaysia.

Kecenderungan untuk bunuh diri dalam kalangan masyarakat Malaysia agak tinggi seperti juga masyarakat lain. Tinjauan kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada tahun 2006 menunjukkan 6.4 peratus rakyat Malaysia yang berumur 16 tahun ke atas terfikir untuk membunuh diri. Kadar ini lebih tinggi jika peratus orang yang pernah terfikir untuk membunuh diri pada masa lampau dimasukkan dalam pengiraan statistik idea bunuh diri di Malaysia. Kajian mendapati remaja antara 16 hingga 19 tahun mempunyai kadar tertinggi bagi idea membunuh diri (Maniam 2010). Ini disokong oleh kajian Lee et al. (2007) yang juga mendapati responden kajian mereka yang terlibat dalam tingkah laku keganasan turut pernah terfikir secara serius untuk membunuh diri.

Beberapa kajian terdahulu mendapati kebanyakan pelajar kolej mempunyai niat membunuh diri dan telah berusaha untuk membunuh diri (Centre for Control Disease (CDC) 2007; Eaton et al. 2007; Erin 2009; Hacker et al. 2006). Walau bagaimanapun, di Malaysia kajian mengenai tingkah laku bunuh diri dalam kalangan generasi muda masih kurang dilaksanakan (Chen et al. 2005). Kesimpulannya, fenomena bunuh diri dilihat menjadi satu cara bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh individu. Keadaan ini amat membimbangkan dan boleh mendatangkan impak yang besar dalam perkembangan kesihatan sendiri manusia di dunia amnya dan di Malaysia khususnya. Oleh itu, kajian yang terperinci perlu dilakukan untuk membantu individu khususnya generasi muda untuk tidak mengambil keputusan bunuh diri sebagai cara penyelesaian masalah.

NIAT BUNUH DIRI DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ

Secara umumnya, kebanyakan pengkaji mendefinisikan tingkah laku membunuh diri merangkumi lima aspek berikut (CDC 1999; Chen et al. 2005; Mazza & Reynold 2001; National Institute Mental Health 1999; Siyez & Asli 2009):

1. Idea untuk membunuh diri (*Suicidal ideation*).
2. Merancang untuk bunuh diri.
3. Mencederakan diri sendiri (niat untuk mati tidak begitu pasti).
4. Cubaan membunuh diri (*Attempt suicide*).
5. Bunuh diri (*Complete suicide*).

Daripada pentafsiran tingkah laku bunuh diri di atas, Chiles dan Strosahl (2005) menyatakan idea untuk bunuh diri adalah ketara wujud dalam diri individu berbanding bunuh diri. Niat bunuh diri ialah pemikiran individu yang mengancam untuk melakukan perilaku bunuh diri atau yang memikirkan satu usaha untuk membunuh diri. Niat membunuh diri merupakan perkara yang pertama timbul di fikiran manusia sebelum cubaan bunuh diri dan bunuh diri berlaku (Arria et al. 2009). Kebanyakan manusia pernah mempunyai pemikiran untuk bunuh diri tetapi tidak sampai kepada percubaan membunuh diri atau bunuh diri (Maris et al. 2000). Maris et al. (2000) menyatakan 24 peratus daripada populasi di dunia pernah memikirkan idea untuk membunuh diri pada satu waktu tertentu dalam kehidupan mereka.

Niat bunuh diri yang wujud dalam diri pelajar kolej didorong oleh beberapa faktor. Antara faktor yang telah dikenal pasti melalui dapatan kajian terdahulu ialah faktor rakan sebaya, kemurungan, penderaan, perbezaan jantina, penghargaan sendiri yang rendah, penyakit dan persekitaran dan ketagihan internet. Kebanyakan mereka yang dikenal pasti sebagai berisiko untuk membunuh diri juga kurang sokongan sosial (Maniam 2010).

Konflik hubungan dengan rakan sebaya (kurang popular dalam kalangan rakan sebaya, kurang mempunyai rakan sebaya, menjadi mangsa buli, kurang sokongan rakan dan di pulau oleh rakan sebaya) mempunyai kaitan dengan peningkatan niat bunuh diri dalam kalangan remaja (Baldry & Winkel 2003; Greydanus & Shek 2009; Heilbron & Prinstein 2010; Prinstein et al. 2000; Prinstein et al. 2001; Yates et al. 2008). Seterusnya, kebanyakan pengkaji terdahulu menyatakan terdapat hubungan antara penghargaan sendiri yang rendah dengan niat bunuh diri (Aini 2001; Kelly et al. 2001; Man & Leduc 1995; Marcenko et al. 1999; Overholser et al. 1995; Simons & Murphy 1985; Sun et al. 2006). Hasil kajian mereka melaporkan pelajar yang mempunyai penghargaan diri yang rendah, tidak ada matlamat hidup, kurang keyakinan diri, tiada harapan dalam hidup, mengalami kemurungan dan konflik dalam hidup berisiko untuk mempunyai niat bunuh diri.

Terdapat pengkaji yang menyatakan terdapat hubungan antara niat bunuh diri dengan kemurungan yang dialami oleh seseorang individu (Man & Leduc 1995; Stephenson et al. 2006; Sun et al. 2006; Tan et al. 2006; Ulusory & Demir 2005). Hasil kajian mereka turut menemui niat bunuh diri mempunyai hubungan yang positif dengan tanda-tanda awal, efektif dan simptom-simptom kemurungan dalam kalangan remaja. Rasa putus asa atau *hopelessness* dilihat turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat bunuh diri dalam populasi masyarakat di dunia (Allison et al. 1995; Salter & Plate 1990; Young et al. 1996). Kajian di tiga negara Asia, iaitu China, Thailand dan Korea mendapati remaja yang cenderung

untuk melakukan percubaan bunuh diri mengalami rasa putus asa dan kesunyian yang tinggi (Noy Kay et al. 2009).

Seterusnya, kebanyakan pengkaji terdahulu menyatakan risiko tingkah laku bunuh diri meningkat dalam kalangan individu daripada latar belakang sistem sosial yang rendah seperti status sosioekonomi dan pendidikan yang rendah, pendapatan yang kurang dan faktor lain yang berkaitan (Andrews & Lewinshohn 1992; Beautrais 1998). Hubungan kekeluargaan juga dilaporkan mempunyai hubungan dengan niat bunuh diri dalam kalangan remaja sama ada secara langsung atau tidak langsung (Duane et al. 2003; Sun et al. 2006). Dapatan kajian Sun et al. (2006) menunjukkan remaja yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang rendah dan konflik keluarga yang tinggi cenderung untuk mengalami kemurungan dan merasa tidak berguna. Mereka yang mempunyai perasaan seperti ini cenderung untuk mempunyai keinginan bunuh diri. Manakala kajian Duane et al. (2003) ke atas pelajar universiti menunjukkan masalah dalam keluarga, konflik, ketidakfungsian keluarga dan disiplin yang ditetapkan dalam keluarga menyumbang kepada niat bunuh diri dalam kalangan responden kajian. Selain itu, kajian tersebut juga turut menyatakan konflik keluarga yang terlalu banyak, perhubungan keluarga dan ketiadaan ibu bapa menjadi punca responden kajian tersebut mempunyai pemikiran bunuh diri.

Kesimpulannya, tingkah laku bunuh diri merupakan perkara sejagat yang mendapat perhatian oleh semua pihak di dunia. Kadar bunuh diri dalam kalangan manusia turut meningkat dari masa ke semasa. Peningkatan bunuh diri ini amat membimbangkan terutama dalam kalangan generasi muda. Terdapat beberapa punca dikenal pasti boleh mempengaruhi wujudnya niat membunuh diri dalam diri remaja, antaranya konflik hubungan dengan rakan sebaya, kemurungan yang dihadapi oleh individu, latar belakang sosial yang rendah dan konflik dalam hubungan kekeluargaan. Oleh itu, langkah pencegahan perlu dikenal pasti untuk membantu individu, khususnya generasi muda untuk tidak mengambil keputusan bunuh diri sebagai langkah penyelesaian masalah.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan dan kefahaman pelajar kolej terhadap niat bunuh diri. Bagi mencapai objektif, kajian akan menumpukan kepada pengetahuan pelajar kolej terhadap niat bunuh diri, faktor yang menyumbang pelajar kolej mempunyai niat bunuh diri, sikap pelajar kolej terhadap niat bunuh diri dan jalan penyelesaian yang dipilih oleh pelajar apabila mempunyai niat membunuh diri.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual semi-struktur. Kajian ini dijalankan di sebuah kolej di negeri Pahang. Responden kajian ini terdiri daripada tujuh orang pelajar diploma kolej tahun satu dan dua. Pemilihan subjek kajian dibuat berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada borang peribadi profil siswa/siswi kolej yang menyatakan responden pernah mempunyai keinginan untuk bunuh diri. Keizinan secara lisan dan bertulis daripada responden telah diperolehi bagi menjalankan kajian ini.

Satu borang persetujuan telah diberikan kepada responden kajian sebelum memulakan proses pengumpulan data. Dalam borang persetujuan tersebut, sampel bersetuju untuk menyertai satu temu bual yang direkod. Berdasarkan kepada persoalan kajian, temu bual terhadap responden hanya memfokuskan kepada niat bunuh diri berdasarkan persoalan kajian ini sahaja. Data diperolehi daripada temu bual yang dirakam dalam setiap sesi temu bual. Data ini dianalisis menggunakan perisian NVivo8 dengan cara mendengar kembali, menulis transkrip, proses *koding* dan seterusnya mengkategorikan pernyataan yang berlangsung antara pengkaji dan responden. Bagi mendapatkan data analisis yang sah dan boleh dipercayai pengkaji telah melakukan teknik pengesahan *member checking* dan *peer debriefing* bagi mendapatkan hasil yang bermakna bagi kajian ini.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dan perbincangan dihuraikan mengikut persoalan kajian yang telah dinyatakan.

Pengetahuan Pelajar Kolej Terhadap Niat Bunuh Diri

Secara keseluruhannya responden kajian memahami dan mengetahui tentang konsep niat bunuh diri. Pengetahuan dan kefahaman responden berkaitan niat bunuh diri banyak berkisar tentang cara mudah untuk menyelesaikan masalah, tidak mahu berdepan dengan masalah, kemahuan bunuh diri dan tiada jalan keluar. Pernyataan berikut menggambarkan pengetahuan dan kefahaman responden (R) terhadap niat bunuh diri. Bagi R7 menyatakan niat bunuh diri merupakan cara mudah untuk menyelesaikan masalah. Beliau menyatakan “Saya rasa, apa yang saya faham tentang keinginan bunuh diri. Pada pendapat saya cara yang mudah untuk menyelesaikan masalah”. Manakala R2 memahami niat bunuh diri sebagai tiada jalan keluar terhadap masalah yang dihadapi melalui pernyataan beliau “Apa yang saya tahu tentang keinginan bunuh diri ini kalau, kalau, sesuatu menimpa masalah dan kita tiada jalan

keluar untuk, memang jalan buntu”. Bagi R3, beliau memahami niat bunuh diri ialah kemahuan untuk membunuh dia melalui pernyataan beliau “Apa yang saya faham ialah kemahuan bunuh diri. Keinginan bunuh diri ialah kemahuan untuk bunuh diri”.

Menurut Granello dan Granello (2007) pengetahuan yang kurang mengenai kebolehan dalam melakukan sesuatu boleh mendorong individu untuk melakukan perbuatan bunuh diri. Pengalaman peribadi individu yang berpendapat hidup ini tidak bermakna dan tidak mempunyai tujuan merupakan salah satu sebab individu terjebak dalam perlakuan bunuh diri. Kajian terdahulu, turut menyatakan faktor kurang kemampuan menyelesaikan masalah sebagai salah satu pemikiran individu tentang bunuh diri hasil daripada ketidakmampuan individu untuk menghasilkan jalan penyelesaian alternatif bagi masalah yang dihadapi mereka (Carlton & Deane 2000; Ellis & Rutherford 2008; Siyez & Asli 2009).

Analisa dapatan juga menunjukkan daripada tujuh orang responden kajian, tiga daripadanya telah mempunyai niat bunuh diri yang serius. Keadaan ini merupakan isu yang banyak diutarakan oleh pengkaji terdahulu. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Chen et al. (2005) yang mendapati 10.4 peratus daripada responden kajian mereka mempunyai niat bunuh diri yang serius. Dapatan ini hampir sama dengan laporan kajian ke atas remaja di bawah pengawasan di Amerika Syarikat yang melaporkan 14.5 peratus daripada pelajar di sana yang mempunyai niat bunuh diri yang serius (Center for Disease Control (CDC) 2000). Kesimpulannya, generasi muda khususnya pelajar perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman berkaitan niat bunuh diri. Pemahaman dan pengetahuan berkaitan niat bunuh diri mampu membantu individu untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh mereka. Seterusnya mereka boleh mendapatkan cara untuk menyelesaikan masalah selain daripada pemikiran untuk bunuh diri.

Faktor yang Menyumbang Pelajar Kolej Mempunyai Niat Bunuh Diri

Dapatan kajian secara umumnya menunjukkan faktor tekanan luaran dan dalaman menyebabkan responden mempunyai niat bunuh diri. Terdapat tiga faktor tekanan luaran yang dikenal pasti menyumbang kepada niat bunuh diri dalam kalangan responden, iaitu faktor persekitaran, faktor rakan sebaya dan faktor keluarga.

1. Faktor persekitaran

Faktor persekitaran dilihat menjadi pilihan tiga responden semasa sesi temu bual bersama pengkaji. Dapatan kajian menunjukkan niat bunuh diri wujud apabila responden berhadapan dengan faktor persekitaran (keluarga, rakan sebaya, keluarga, percintaan dan pembelajaran) sebagai punca responden ingin bunuh diri. Antaranya ialah pernyataan R1 yang menyatakan “faktor yang menjadi penyebab faktor

persekitaran yang memainkan peranan, bagi saya utama la. Pada saya faktor utama ialah persekitaran” dan R4 “Sebab masalah cam banyak je, ye la, masalah belajar lagi, masalah pegang jawatan lagi, masalah kawan lagi” menunjukkan responden bersetuju faktor tekanan persekitaran menyebabkan mereka mempunyai keinginan untuk membunuh diri. Selain itu tekanan dalam percintaan turut dinyatakan sebagai faktor responden mempunyai keinginan untuk membunuh diri berdasarkan kenyataan R6 yang menyatakan “faktor bercinta sebab ada keinginan bunuh diri macam bercinta, bercinta, sayang, sayang pastu tinggal kita dan jadi frust yang nak bunuh diri tu. Tapi tak buat pun, rasa je”.

Kenyataan ini disokong oleh kebanyakan pengkaji lepas yang menyatakan konflik keluarga, masalah terasing daripada masyarakat, konflik perhubungan dengan rakan sebaya, masalah dalam akademik serta harapan dan tekanan ibu bapa yang tinggi menyebabkan remaja cenderung untuk mempunyai niat bunuh diri (Duane et al. 2003; Granello & Granello 2007; Hafizah 2009; Stillion & McDowell 1996). Oleh itu, faktor persekitaran individu dilihat memainkan peranan penting dalam menyumbang niat untuk membunuh diri. Dapatan ini seterusnya mengukuhkan faktor persekitaran seperti keluarga, rakan sebaya, keluarga dan percintaan mendorong kepada wujudnya niat bunuh diri.

2. Faktor rakan sebaya

Dapatan kajian juga menunjukkan responden cenderung menjadikan faktor rakan sebaya sebagai punca utama mereka mempunyai keinginan bunuh diri. Bagi kebanyakan responden faktor rakan sebaya merupakan faktor dominan yang menyumbang niat bunuh diri dalam diri mereka. Ini berikutan penyataan R3 iaitu “rasa nak bunuh diri tu adalah, campur, tension dan sebab kawan-kawan macam tadi tu la, yang member tadi tu, yang saya cakap yang sem lepas tu. Dia wat macam ni so rasa tension la. Sebab orang lain tak pernah rasa, kita pernah rasa dulu. Bila la dia nak sedar semua ni. Dia tak tau ke, nanti jadi balik kat dia kan. Bila dia buat macam tu kat orang”, seterusnya disokong oleh R1 yang menyatakan “kiranya waktu tu saya jadi macam bila saya dah ada kawan-kawan yang boleh orang kata bawa saya ke arah kebaikan, pastu saya tak ada orang yang boleh bimbing saya”.

Begitu juga dengan kenyataan daripada R6 yang menyatakan “Faktor rakan tu yang boleh wujudkan keinginan bunuh diri. Kalau rakan, macam contoh la macam rakan tu cari masalah dengan kita kan, kita pun, dia macam buruk-burukkan kita ke jadi macam, rasa macam geram je, rasa macam malu pun ada. Baik bunuh diri la kalau macam tu kan. Kalau macam aib kita diorang bukak apa kan, jadi malu la”. Kenyataan ini disokong oleh R4 apabila ditanya kepada beliau mengenai faktor mempunyai niat bunuh diri dengan menyatakan “stres dengan orang yang

cam menyibuk dan suka nak cari pasal dengan kita, yang betul kita tak nak kenal and menyampah”.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan yang diperoleh daripada kajian terdahulu yang menyatakan masalah dalam perhubungan rakan sebaya menyebabkan wujud idea bunuh diri dalam diri responden. Kebanyakan pengkaji terdahulu menemui faktor tekanan rakan sebaya sebagai salah satu faktor yang mendorong remaja mempunyai idea bunuh diri (Baldry & Winkel 2003; Greydanus & Shek 2009; Heilbron & Prinstein 2010; Prinstein et al. 2000; Prinstein et al. 2001; Yates et al. 2008). Kesimpulannya, rakan sebaya sebagai sumber yang paling dekat dengan individu memberikan kesan yang sangat besar dalam mempengaruhi kehidupan individu, terutamanya generasi muda. Niat bunuh diri boleh wujud dalam diri individu apabila berhadapan dengan masalah yang dialami bersama rakan sebaya mereka. Pemilihan rakan sebaya yang baik boleh membantu mengurangkan risiko wujudnya keinginan bunuh diri dalam diri individu.

3. Faktor keluarga

Hasil dapatan data temu bual turut menemui faktor keluarga sebagai penyebab utama responden mempunyai keinginan untuk bunuh diri. Kebanyakan responden yang ditemu bual menyatakan faktor ini yang dominan dan membawa kepada niat bunuh diri. Analisa data turut menunjukkan responden tiga dan enam menjadikan faktor keluarga sebagai faktor dominan yang menjadi penyebab utama responden mempunyai keinginan bunuh diri. Bagi mereka konflik keluarga mempengaruhi responden untuk mempunyai keinginan bunuh diri. Seperti yang dinyatakan oleh R3 “Tension rasa apa, mak dengan abah pilih kasih dengan adik kan sebab tension tu la jadi rasa macam nak bunuh diri”. Hal ini disokong oleh kenyataan daripada R6 yang menyatakan antara faktor beliau mempunyai niat untuk bunuh diri adalah disebabkan oleh faktor keluarga dengan menyatakan “rasa tertekan dengan masalah keluarga. Sebab tu macam rasa nak bunuh diri” dan “macam kan ada dua mak kan, jadi ayah ni macam lebihkan mak yang muda la kan. Apa-apa hal, mak muda, mak muda. Mak sendiri ni, macam tak peduli apa-apa marah apa ke kat mak sendiri la. Kalau mak muda tu nak marah pun tak ada. Sayang sangat la jadi macam tertekan la, macam memperlakukan mak macam tu kan. Kadang-kadang depan kita kan”.

Dapatan ini selari dengan beberapa dapatan pengkaji terdahulu (Andrews & Lewinshohn 1992; Beautrais 1998; Duane et al. 2003; Sun et al. 2006; Welfel 2002) menjelaskan bahawa faktor hubungan kekeluargaan (kohesi keluarga, konflik keluarga dan ekspresi keluarga) mendorong kepada pemikiran bunuh diri dalam kalangan remaja sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Berdasarkan hasil analisis data, pengkaji turut mengenal pasti faktor tekanan dalaman yang mempengaruhi responden kajian untuk mempunyai niat bunuh diri. Faktor yang dikenal pasti sebagai faktor tekanan dalaman ialah faktor diri individu itu sendiri.

4. Faktor Individu

Hasil dapatan data temu bual menunjukkan terdapat dua orang responden bersetuju dengan faktor individu sebagai penyebab mereka mempunyai keinginan bunuh diri. Antara tema yang timbul di bawah faktor ini ialah kurang keyakinan diri, murung, masalah emosi, ilmu pengetahuan yang kurang dan masalah yang terpendam menjadi antara punca keinginan untuk bunuh diri.

a. Kurang keyakinan diri

R1 menyatakan antara sebab responden mempunyai keinginan bunuh diri adalah disebabkan kurang keyakinan diri. Hasil analisa temu bual menunjukkan R1 merasa kurang keyakinan diri kerana merasakan ilmu yang dimiliki masih kurang berbanding dengan orang lain. Seperti R1 menyatakan “faktor diri kita. Faktor diri kita kan yang kurang keyakinan diri”.

b. Menghadapi masalah emosi

Berdasarkan analisa data, R5 cenderung menjadikan masalah tekanan dalaman adalah sebab responden mempunyai keinginan bunuh diri. Bagi R5, masalah emosi seperti murung, terlampau marah, keadaan yang tidak dapat dikawal merupakan faktor emosi yang mendorong responden berfikir untuk bunuh diri dengan menyatakan “rasa nak bunuh diri bila perkara yang membuatkan saya murung, kadang-kadang saya rasa benci dengan orang tu, jiwa ni kadang, saya tak boleh control keadaan, terlampau marah sangat kan. Kita nak lepaskan tak boleh, tapi dia jadi terpendam kan, kita simpan sendiri-sendiri”.

c. Tidak dapat menyelesaikan masalah

Hasil analisa data temu bual mendapati dua (R5 & R7) daripada tujuh responden merasa tertekan apabila tidak dapat menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Keadaan ini menyebabkan mereka merasa ingin bunuh diri. Pernyataan R5 berikut menggambarkan situasi di atas “masalah dah terlalu banyak, dah tak sanggup nak hadapi semuanya kan, nak selesaikan satu-satu, kita rasa macam nak cari jalan penyelesaian paling cepat dan paling mudah. Sebab, bila kita fikir kita dah mati kita tak perlu nak fikir” dan pernyataan R7 “Stress macam memberi tekanan kepada diri kita. Jalan mudah untuk menyelesaikan masalah kot, sebab dia fikir yang tak ada dah apa-apa yang nak buat, lebih baik bunuh diri, senanglah tak menyusahkan orang”.

Kajian terdahulu juga menunjukkan masalah emosi seperti kemurungan, kemarahan, jiwa tidak tenang dan perasaan benci menyebabkan responden terfikir untuk bunuh diri. Menurut Wetzler et al. (1996), Sareen et al. (2005) dan Azizi et al. (2005) faktor emosi yang mendorong remaja mempunyai pemikiran bunuh diri ialah mengalami masalah dengan identiti, perubahan *mood*, tiada harapan untuk hidup, kemarahan, kelakuan impulsif personaliti antisosial, dan kebimbangan. Selain itu, Man dan Leduc (1995) dan Sun et al. (2006) dan Aini (2001) turut menemui remaja yang kurang keyakinan diri, mempunyai penghargaan diri dan konsep sendiri yang rendah lebih cenderung untuk mempunyai niat bunuh diri. Hakikat ini mengukuhkan lagi bahawa faktor kurang keyakinan diri adalah sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada niat bunuh diri. Berdasarkan hasil analisis data, pengkaji mengenal pasti faktor peribadi individu seperti kurang keyakinan diri, menghadapi masalah emosi dan tidak dapat cara untuk menyelesaikan masalah turut menyumbang responden untuk mempunyai niat bunuh diri.

Sikap Pelajar Kolej Terhadap Niat Bunuh Diri

Walaupun kesemua responden pernah mempunyai niat bunuh diri namun hasil dapatan analisis temu bual mendapati mereka tidak bersetuju dengan niat bunuh diri. Bagi kategori ini dua tema yang muncul ialah bunuh diri bukan penyelesaian terbaik dan bunuh diri memudaratkan orang lain.

1. Bunuh diri bukan penyelesaian terbaik

Berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan kesemua responden bersetuju bahawa bunuh diri bukan penyelesaian terbaik bagi masalah yang dihadapi. Hal ini berdasarkan pernyataan R1 “Pada pendapat saya bunuh diri bukan jalan penyelesaian terbaik. Sedangkan bunuh diri tu kan orang kata apa kita sendiri sedangkan Allah yang menetapkan kita ni bilanya ajal kita ni kan, jadi kita sendiri nak aturkan. Kita sendiri macam nak aturkan kehidupan kita. Jadi saya memang tak setuju la, tak setuju la dengan bunuh diri ni” dan turut disokong oleh R3 yang menyatakan “macam mana ye saya rasa tak ok. Sebab kebanyakan orang Melayu kan yang banyak bunuh diri. Sebabnya putus cinta, hilang bini, hilang makwe. Tak baik la kan”. Begitu juga R7 yang turut tidak bersetuju bahawa membunuh diri bukan penyelesaian terbaik berdasarkan kepada pernyataan beliau “pada pandangan saya tak setuju sebab kita ada banyak jalan untuk menyelesaikan masalah. Tak semestinya dengan bunuh diri sebab kalau dah memang bunuh diri macam saya cakap tadi memang mudah tapi tak dapat menyelesaikan masalah”.

2. Bunuh diri memudaratkan orang lain

Analisa dapatan kajian juga menunjukkan terdapat dua responden yang melihat perbuatan bunuh diri sebagai memudaratkan orang lain. Ini berdasarkan pernyataan

R2 “pandangan saya, tak setuju la sebab rasa macam ketiga-tiga tu memang tak boleh terima la saya rasa memang tak setuju sebab dia boleh merosakkan diri dengan orang sekeliling” dan pernyataan R6 “nampak macam tak elok la, kadang-kadang bunuh diri ni apa ni bila kita buat macam tu family ni macam mana kan tak bersetuju la sebabkan dia boleh memudaratkan diri dia, keluarga dia tak bersetuju la sebabkan dia boleh memudaratkan diri dia, keluarga dia”.

Namun begitu, analisa data memperlihatkan R6 turut menunjukkan sikap yang berlainan tentang keinginan bunuh diri. Bagi R6, mempunyai niat bunuh diri mungkin dapat membantu individu untuk membuat refleksi diri tentang kesilapan yang lalu dan membantu individu membina semula sikap positif melalui pernyataannya “ok, tak patut la bunuh diri ni, tapi kadang-kadang keinginan untuk bunuh diri ni bagus jugak sebenarnya. Dia boleh membentuk sikap kita juga, kita boleh berfikir, berfikir panjang. Kita macam, bagus juga ada perasaan nak bunuh diri ni. Kita boleh la betulkan balik kan, kadang-kadang mungkin kita tak ada salahnya juga kan”.

Secara keseluruhannya kefahaman dan pengetahuan responden tentang kesan yang bakal berlaku sekiranya mereka meneruskan niat bunuh diri menyebabkan responden tidak meneruskan niat tersebut. Pengalaman remaja menghadapi perlakuan tingkah laku bunuh diri mampu memberikan mereka kefahaman yang lebih baik tentang tingkah laku bunuh diri. Seterusnya dapat memberikan mereka kemahiran mengendalikan idea bunuh diri pada masa akan datang. Hal ini diharapkan akan memberikan responden kajian ini celik akal dengan cara untuk menyelesaikan masalah apabila mereka berhadapan lagi dengan niat bunuh diri pada masa hadapan.

Niat bunuh diri yang wujud dalam diri responden merupakan satu fenomena yang bercanggah dengan nilai kehidupan. Fenomena ini juga dilihat sebagai tindakan yang negatif dan menjadi budaya yang tidak sihat dalam pembangunan manusia dan generasi akan datang. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan akan mengundang kesan buruk yang mana menjadi ikutan ramai pihak lain yang tidak berfikiran waras dan berpengetahuan cetek.

Berdasarkan analisa data temu bual, pengkaji didapati kefahaman agama responden mempengaruhi pandangan kebanyakan responden yang tidak bersetuju dengan tingkah laku bunuh diri. Ini berdasarkan kepada pernyataan R1 “Agama pun melarang kita bunuh diri kan, kita berputus asa dengan rahmat Allah, kita tidak redha dengan apa yang dikurniakan kepada kita kan”. Seterusnya pernyataan R5 “ye la pada dalam undang-undang Islam pun mengatakan bunuh diri tu hukumnya haram kan. Bila kita bunuh diri, automatik kita murtad dan mati bukan dalam

Islam”. Dan dikukuhkan oleh pernyataan R6 “bunuh diri ni kan apa ni, tak baik kan, berdosa, sebabnya Islam pun tak menggalakkan, tak bagi bunuh diri ni, sebab berdosa besar kan”.

Kefahaman responden terhadap ajaran agama (Islam) menyebabkan mereka memilih untuk tidak bersetuju dengan tingkah laku bunuh diri. Bagi agama Islam, bunuh diri bukan jalan penyelesaian yang terbaik. Malah bunuh diri merupakan dosa besar dalam agama Islam. Firman Allah SWT (al-Nisa’ 4: 29) yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu membunuh dirimu. Sungguh Allah maha penyayang kepadamu”.

Begitu juga bagi semua agama membunuh diri dianggap tidak baik. Malah menurut kitab Kristian dan Yahudi membunuh diri adalah satu dosa besar (Danial 2004). Keadaan ini disokong oleh dapatan (Chen et al. 2005) yang menyatakan remaja Melayu dalam kajian mereka dilaporkan mempunyai niat bunuh diri dan cubaan bunuh diri yang rendah. Chen dan rakan-rakan berpendapat faktor agama Islam yang melarang bunuh diri merupakan faktor penting menyebabkan responden Melayu kurang mempunyai niat dan cubaan bunuh diri.

Aktiviti yang Dilakukan oleh Pelajar Kolej Apabila Mereka Mempunyai Niat untuk Membunuh Diri

Hasil analisa data menunjukkan kesemua responden mempunyai cara penyelesaian masalah yang tersendiri apabila responden berhadapan dengan masalah yang menyebabkan mereka terfikir untuk bunuh diri. Berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan wujud empat aktiviti yang dikemukakan. Antaranya ialah meluahkan perasaan pada orang terdekat. Contohnya seperti jawapan yang diberikan oleh R3 yang bersetuju meluahkan perasaan boleh membantu mereka apabila mempunyai niat bunuh diri dengan menyatakan “Selalu kongsi masalah dengan kawan yang rapat sekarang ni lah”. dan disokong oleh R5 dalam pernyataannya “bila saya ada masalah, saya akan jumpa kawan saya ni la. Saya akan luahkan perasaan pada dia dan dialah yang banyak membantu saya memberikan nasihat”.

Selain itu R2 dan R5 bersetuju apabila mereka mempunyai niat bunuh diri mereka akan cuba untuk mencari jalan penyelesaian terbaik melalui pernyataan R2 “cepat-cepatlah cari jalan keluar untuk masalah tu” dan disokong oleh R5 yang menyatakan “kita ingat balik patutnya benda ni kan bukan macam ni jalan penyelesaiannya. Ada jalan lain kita nak settlekan masalah”. Hasil analisa dapatan kajian juga menunjukkan responden memberikan jawapan tidak memikirkan perasaan ingin bunuh diri apabila disoal tentang aktiviti yang dilakukan oleh mereka apabila mempunyai niat bunuh diri. Seperti yang dinyatakan oleh R4 “biasanya saya gi tempat-tempat yang boleh

tenangkan fikiran la, jangan layan sangat kot bagi saya la”. Pernyataan ini turut disokong oleh R5 dalam pernyataannya R6 “makan banyak-banyak, lepas tu tidur ada masa kosong tu, isi je dengan apa-apa aktiviti lepas tu kita tengok tv ke, dengar lagu ke tak bagi memikirkan masalah tu”.

Perkhidmatan profesional kaunselor telah dikenal pasti sebagai satu kaedah yang digunakan oleh individu yang mempunyai niat untuk membunuh diri untuk mententeramkan diri mereka. Mereka yang tertekan ini mampu berjumpa dengan golongan profesional untuk membantu mereka berhadapan dengan idea bunuh diri serta membincangkan masalah peribadi (Carlton & Deane 2000; Deane & Todd 1996; Suradi 2011). Khidmat kaunseling dapat membantu responden untuk keluar dari belenggu dan masalah yang dihadapi serta dapat meluahkan perasaan mereka yang selama ini terpendam sehingga mereka memilih untuk menamatkan hayat mereka.

Namun demikian dapatan kajian ini menemui kebanyakan responden kajian lebih suka berkongsi masalah mereka dengan orang yang terdekat dan bukannya golongan profesional seperti kaunselor atau pakar psikologi. Memandangkan golongan profesional bukanlah sumber utama dalam mendapatkan bantuan bagi mereka yang bermasalah, maka para kaunselor dan pakar-pakar psikologi perlu lebih kreatif dan proaktif dalam menyediakan perkhidmatan kepada individu yang memerlukan perkhidmatan terutamanya kepada mereka yang berkecenderungan untuk membunuh diri. Kebanyakan responden juga dilihat lebih suka untuk menggunakan medium lain bagi menenangkan diri seperti mendengar muzik dan bermain *games*. Ini mungkin disebabkan responden kurang diberi pendedahan tentang khidmat profesional yang boleh membantu mereka. Menurut Glasser (The William Glasser Institute 2011), apabila berhadapan dengan masalah, terdapat individu yang memilih untuk membuat sesuatu yang lebih efektif daripada berjumpa profesional. Namun sebaliknya mereka tidak menyedari bahawa langkah yang diambil kurang membantu. Begitu juga, apabila seseorang memilih untuk bersedih, mereka beranggapan orang di sekelilingnya akan membantunya, menghulurkan galakkan dan menyedapkan hatinya, menjaganya, malahan membantu memberikan makanan dan tempat perlindungan kepadanya jika perlu (The William Glasser Institute 2011).

Menurut Ellis dan Rutherford (2008), pemikiran *dichotomous* (pemikiran memisahkan antara satu sama lain) menyebabkan individu berfikir sama ada untuk meneruskan niat bunuh diri atau tidak, baik atau buruk dan pemikiran-pemikiran lain seperti ini. Kebanyakan pengkaji menemui pemikiran *dichotomous* wujud dalam diri pesakit yang cenderung melakukan tingkah laku bunuh diri. Ini dapat dirumuskan

bahawa responden dalam kajian ini tidak meneruskan niat bunuh diri kerana mereka memilih untuk tidak memikirkannya dan cuba mencari jalan penyelesaian terbaik apabila berhadapan dengan niat bunuh diri.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya hasil dapatan menunjukkan responden kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman terhadap niat bunuh diri. Hasil analisis kajian juga menunjukkan hanya dua orang responden masih mempunyai niat bunuh diri semasa di kolej. Begitu juga salah seorang responden mengakui walaupun jarang-jarang memikirkan niat bunuh diri tetapi idea tersebut akan datang apabila berhadapan dengan masalah. Bagi kesemua responden, idea bunuh diri datang ketika berhadapan dengan masalah yang dirasakan tiada jalan keluar. Secara umumnya, faktor yang dikenal pasti mempengaruhi responden berfikir untuk bunuh diri adalah faktor tekanan luaran dan dalaman. Faktor tersebut ialah faktor tekanan persekitaran, faktor tekanan keluarga, faktor tekanan rakan sebaya dan faktor dalaman individu itu sendiri. Kesemua responden dilihat tidak bersetuju dengan tingkah laku bunuh diri walaupun mereka pernah mempunyai niat bunuh diri. Kajian ini turut menunjukkan kesemua responden mempunyai jalan penyelesaian tersendiri apabila berhadapan dengan masalah yang menyebabkan mereka terfikir untuk bunuh diri.

Kajian ini dapat digunakan untuk memahami niat bunuh diri dalam kalangan pelajar kolej khususnya dan kepada masyarakat umumnya. Kajian ini juga dapat memberikan kefahaman kepada pihak yang terlibat dalam perkembangan dan pertumbuhan pelajar kolej khususnya kaunselor, pensyarah, ibu bapa dan masyarakat dalam memahami cubaan membunuh diri dalam kalangan pelajar kolej. Program pengesanan awal juga perlu diwujudkan agar bantuan dapat diberikan kepada pelajar yang dikenal pasti mempunyai risiko untuk membunuh diri sebagai jalan penyelesaian kepada permasalahan mereka. Dicadangkan agar kajian akan datang mengenai kefahaman dan pengetahuan niat bunuh diri ini dilakukan dengan menggunakan sampel yang lebih besar dan heterogeneous serta penggunaan statistik yang lebih tinggi supaya dapatannya nanti boleh digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar.

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi input tambahan kepada pelbagai pihak berkepentingan untuk memastikan rakyat Malaysia khususnya generasi muda tidak mempunyai niat untuk bunuh diri apabila berhadapan dengan masalah.

RUJUKAN

- Aini Omar. 2001. A study of attempted suicide among female youths. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Allison, S., Pearce, C., Martin, G., Miller, K., & Long, R. 1995. Parental influence, pessimism and adolescent suicidality. *Archives of Suicide Research* 1: 229-242.
- Andrews, J.A, & Lewinshohn, P.M. 1992. Suicidal attempts among older adolescents: Prevalence and co-occurrence with psychiatric disorders. *Journal of American Academy of Child and Adolescent Psychiatry* 31: 622-655.
- Arria, A.M., O' Grady, K.E., Caldeira, K.M., Vincent, K.B., Wilcox, H.C. & Wish, E.D. 2009. *Suicide Ideation Among College Students: A Multivariate Analysis*. International Academy for Suicide Research: Bruner Routledge.
- Azizi Yahya, Cathy Suhaila Abdullah, Roslee Ahmad & Sharifuddin Ismail. 2005. *Punca dan Rawatan: Kecelaruhan Tingkah Laku*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publisher.
- Baldry, A.C. & Winkel, F.W. 2003. Direct and vicarious victimization at school and at home as risk factors for suicidal cognition among Italian adolescents. *Journal of Adolescence* 26: 703-716.
- Beautrais, A.L. 1998. Personality trait and cognitive styles as risk factors for serious suicide attempts among young people. *Threatening Behavior*, Spring 29. *ProQuest Health and Medical Complete* 37.
- Blumenthal, S.J. 1990. *Youth Suicide: Risk Factors, Assessment, and Treatment of Adolescents And Young Adults Suicidal Patients*. Boston: Taylor and Francis.
- Carlton, P.A., & Deane, F.P. 2000. Impact of attitudes and suicidal ideation on adolescents' intentions to seek professional psychological help. *Journal of Adolescence* 23: 35-45.
- Centers For Disease Control. 1999. Youth Risk Surveillance United State 1999. National Center for Chronic Disease and Health Promotion: National College Health Risk Survey. Washington, DC.
- Centers For Disease Control. 2000. Suicidal Thoughts and Behaviors Among Adults Aged > 18 Years. National Center for Chronic Disease and Health Promotion, Youth Risk Surveillance. Washington, DC.
- Centers For Disease Control (CDC). 2007. Ten leading causes of death by age group Unite State-2003. National Center for Chronic Disease and Health Promotion, Youth Risk Surveillance: National College Health Risk Survey. Washington, DC.

- Chen, P.C.Y., Lee, L.K., Wong, K.C. & Jagmohni, K. 2005. Factors relating to adolescents suicidal behavior: a cross-sectional Malaysian school survey. *Journal of Adolescent Health* 37 (4): 337-347
- Chiles, J.A. & Stroschl, K.D. 2005. *Assessment and Treatment of Suicidal Patients*. Washington: American Psychiatric Publishing Inc.
- Danial Zainal Abidin. 2004. *Bahan Berdakwah untuk Remaja Moden*. Selangor: PTS Publication & Distributors.
- Deane, F.P. & Todd, D.M. 1996. Attitude and intentions to seek professional psychological help for personal problems or suicidal thinking. *Journal of College Student Psychotherapy* 10: 45-59.
- Duane, E.A., Stewart, C. S. & Bridgeland, W. M. 2003. *College Student Suicidality and Family Issues*. East Lansing: Michigan State University.
- Eaton, D.K., Kann, L. & Kinchen, S. 2007. Youth risk behavior surveillance-United States. *MMWR Surveil Summ* 57: 1-31.
- Ellis, T.E. & Rutherford, B. 2008. Cognition and suicide: Two decades of progress. *International Journal of Cognitive Therapy* 1: 47-68.
- Erin Shae Johns. 2009. Teaching problem-solving to improve family functioning and to decrease suicidality. Tesis Sarjana Kedokteran, Nova South Eastern University.
- Faizatul Farhana Farrish Khan. 2010. Remaja cenderung bunuh diri. *Utusan Online*, 24 Disember: <http://ww1.utusan.com.my/utusan/> [28 November 2017].
- Granello, D.H. & Granello, P.G. 2007. *Suicide: An Essential Guide for Helping Professionals and Educators*. Boston: Pearson.
- Greydanus, D.E., & Shek, D. 2009. *Deliberate Self-harm and Suicide in Adolescents*. East Lansing, Michigan: Jessica Kingsley Publisher
- Hacker, K.A., Suglia, S.F., Fried, L.E., Rappaport, N., & Cabral, H. 2006. Developmental differences in risk factors for suicide attempts between ninth and eleventh graders. *Suicide and Life-Threatening Behavior* 36: 154-166.
- Hafizah Iszahanid. 2009. Tekanan punca bunuh diri. *Berita Harian*.
- Heilbron, N. & Prinstein, M.J. 2010. *Adolescent Peer Victimization, Peer Status, Suicidal Ideation, and Nonsuicidal Self-injury: Examining Concurrent and Longitudinal Associations*. Detroit: Wayne State University Press.

- Noy Kay, Kaigang Li, Xiao Xia, Nattiporn Nokkaew & Bock-Hee Park. 2009. Hopelessness and suicidal behavior among Chinese, Thai and Korean college students and predictive Effects of the World Health Organization's WHOQOL-BREF. *International Electronic Journal of Health Education* 12: 16-32.
- Kelly, T.M., Lynch, K.G., Donovan, J.E. & Clark, D.B. 2001. Alcohol use disorders and risk factor interaction for adolescent suicidal ideation and attempts. *Suicide Life-Threatening Behavior* 31: 181-193.
- Lakshmi Vijayakumar, K. Nagaraj & Sujit John. 2004. *Suicide and suicide prevention in developing countries*. Kertas kerja Disease Control Priorities Project, Working paper No. 27 (June 2004).
- Maniam Thambu. 2010. *Hidup atau Mati: Masalah Bunuh Diri di Malaysia dari Perspektif Psikiatri*. Bangi: Penerbit UKM.
- Man, A.F. & Leduc, C.P. 1995. Suicidal ideation in high school students: Depression and other correlates. *Journal of Clinical Psychology* 51: 173-181.
- Marcenko, M.O., Fishman, G. & Friedman, J. 1999. Reexamining adolescent suicidal ideation: A developmental perspective applied to a diverse population. *Journal of Youth and Adolescence* 28: 121-138.
- Maris, R.W., Berman, A.L., Silverman, M.M. & Bongar, B.M. 2000. *Comprehensive Textbox of Suicidology*. Belmont: Guilford Press.
- Mazza, J.J. & Reynolds, W.M. 2001. An investigation of psychopathology in no referred suicidal and non-suicidal adolescents. *Journal of Suicide and Life-Threatening Behavior* 31: 282-302.
- Mazza, J. J. & Eggert, L.L. 2001. Activity involvement among suicidal and nonsuicidal high-risk and typical adolescents. *Suicide and Life-Threatening Behavior* 31: 265-281.
- National Institute of Mental Health. 1999. Nihm Suicide Facts. <http://www.nih.gov/publicat/suicidefact.cfm> [28 November 2017].
- Overholser, J.C., Adams, D.M., Lehnert, K.L. & Brickman, D.C. 1995. Self-esteem deficits and suicidal tendencies among adolescents. *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry* 34: 919-928.
- Prinstein, M.J, Boergers, J. Spirito, A. Little, T.D. & Grapentine, W.L. 2000. Peer functioning, family dysfunction, and psychological symptoms in a risk factor model for adolescent inpatients' suicidal ideation severity. *Journal of Clinical Child Psychology* 29: 392-405.

- Prinstein, M.J, Boergers, J. & Spirito, A. 2001. Adolescents' and their friends' health risk Behavior: Factors that alter or add to peer influence. *Journal of pediatric Psychology* 26: 287-298.
- Rosnah Abdul Rashid Shirlin. 2011. 731 bunuh diri dalam tempoh tiga tahun. *Sinar Harian*. 20 April: 6.
- Salter, D. & Platt, S. 1990. Suicidal intent, hopelessness and depression in a parasuicide population: The influence of social desirability and elapsed time. *British Journal of Psychiatry* 29: 361-371.
- Sareen, J., Cox, B.J., Affifi, T.O., De Graaf, R., Asmundson, G.J.G., Have, M.T., & Stein, M.B. 2005. Anxiety disorders and risk for suicidal ideation and suicide attempts: A population-based longitudinal study to adults. *Archieve of General Psychiatry* 62: 1249-1257.
- Simons, R.L. & Murphy, P.I. 1985. Sex different in the causes of adolescent suicide ideation. *Journal of Youth and Adolescence* 14: 423-434.
- Siyez, D.M. & Asli, U.B. 2009. Turkish School Counselors and counseling students knowledge of adolescent suicide. *Australian Journal of Guidance & Counseling* 19: 25-40.
- Stillion, J.M. & McDowell, E.E. 1996. *Suicide Across the Lifespan: Premature Exits*. Washington, DC: Tylor & Francais.
- Stephenson, H., Shaff, J.P. & Quirk, P. 2006. Predictors of college student suicidal ideation: Gender differences. *College Student Journal* 40: 109-117.
- Sun, R.C.F., Hui, K.P. & Watkins, D. 2006. Towards a model of suicidal ideation for Hong Kong Chinese adolescents. *Journal of Adolescence* 29: 209-224.
- Suradi Salim. 2011. Tekanan disiasat hingga bunuh diri: Individu disoal siasat alami kecelaruan emosi. *Sinar Harian*. 2 Mei.
- Tan, H.J., Suganthi, C. S., Dhachayani, A., M Rizal & A. A., Raymond. 2006. Suicidal ideation in migraine. *Neurology Asia* 11: 103-106.
- The William Glasser Institute. 2011. Who we are. <http://www.wglasser.com/whoweare.htm> [24 February 2011].
- Ulusory, D.M. & Demir N.O. 2005. Suicide ideation in Turkish Adolescents. *Social Behavior and Personality* 33: 541-552.
- Welfel, E.R. 2002. *Ethics in Counseling & Psychotherapy, Standards, Research & Emerging Issues*. 3rd ed. U.S.A: Thomson Brooks/Cole.

- Weltzler, S., Ansis, G.M., Hyman, R.B., Virtue, C., Zimmerman, J., & Rathus, J.H. 1996. Characteristics of suicidality among adolescent. *Suicide and Life-Threatening Behavior* 26: 37- 45.
- World Health Organization. 2010. Suicide Prevention (SUPRE). Geneva: World Health Organization.http://www.who.int/mental_health/prevention/suicide/suicideprevent/en/index.html [24 Mei 2011].
- Yates, T.M, Tracy, A.J., & Luthar, S.S. 2008. Nonsuicidal self-injury among “privileged” youths: longitudinal and cross-sectional approaches to developmental process. *Journal Consultation Clinical Psychology* 76: 52-62.
- Young MA, Fogg LF, Scheftner, W., Fawcett, J., Akiskal, H. & Maser, J. 1996. Stable trait components of hopelessness: Baseline and sensitivity to depression. *Journal of Abnormal Psychology* 105: 155-165.